

Bil. S 20

**AKTA IKHTISAS PEGUAM
(PENGAL 132)**

**PERINTAH IKHTISAS PEGUAM
(PERSATUAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM)
(PINDAAN), 2006**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan tarikh anggapan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan perenggan 9 dari S 42/03.
-

**AKTA IKHTISAS PEGUAM
(PENGAL 132)**

**PERINTAH IKHTISAS PEGUAM
(PERSATUAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM)
(PINDAAN), 2006**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 62 dari Akta Ikhtisas Peguam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan tarikh anggapan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Ikhtisas Peguam (Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam) (Pindaan), 2006 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Ikhtisas Peguam (Pindaan), 2003 [S 40/03].

Pindaan perenggan 9 dari S 42/03.

2. Perenggan 9 dari Perintah Ikhtisas Peguam (Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam), 2003 adalah dipinda, dalam perenggan kecil (2), dengan memotong "or persons to whom a Residence Permit has been granted under regulations made under the Immigration Act (Chapter 17)" dan menggantikannya dengan "or permanent residents".

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 20 haribulan Februari, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR
Setiausaha Kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri,
Negara Brunei Darussalam.**